

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

SOALAN :

YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan jurang pendapatan di kalangan rakyat biasa di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan rakyat biasa di Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah ketidaksamaan pendapatan merupakan indikator yang paling sesuai digunakan untuk mengukur jurang pendapatan di antara wilayah atau kawasan. Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, nisbah ketidaksamaan pendapatan di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah 1:1.31. Ini membawa maksud sekiranya rakyat Sabah mempunyai pendapatan RM1 maka rakyat di Semenanjung Malaysia mempunyai pendapatan sebanyak RM1.31. Nisbah ketidaksamaan pendapatan di antara rakyat Sarawak dan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak 1:1.29.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

SOALAN : 62

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memelihara nilai harga saham FGV yang lebih baik dalam Bursa Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga saham ditentukan oleh pasaran dan keyakinan pelabur menerusi sesi dagangan di Papan Utama Bursa Malaysia.

FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) merupakan sebuah kumpulan perladangan yang mana 75% dari pendapatannya adalah berdasarkan kepada komoditi sekali gus berkait rapat dengan pergerakan harga komoditi dunia. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) mula mencatatkan nilai lebih rendah berbanding tahun lalu, bermula pada pertengahan tahun dan harga purata tidak banyak perubahan sehingga ke Mei 2015. Purata harga MSM 2014 adalah RM2,410 per tan metrik. Namun harga MSM pada separuh pertama tahun ini mendatar sekitar RM2,300 hingga RM2,100 per tan metrik. Ini sekali gus memberi kesan kepada harga saham FGV yang berlegar sekitar RM2.06 hingga RM2.20 sesaham.

Pergerakan harga ini adalah di luar kawalan FGV dan apa yang boleh dilakukan adalah dengan meningkatkan semula keyakinan pelabur dan mengukuhkan syarikat melalui perniagaan hiliran untuk mengimbangi pendapatan agar tidak bergantung kepada perniagaan hulu sahaja. Perancangan yang dibuat dijangka mampu mengembalikan semula keyakinan pelabur sekaligus memberi kesan positif kepada saham FGV untuk jangka masa panjang.

Bagi mengukuhkan lagi operasi pada tahun ini, FGV telah menekankan tiga aspek utama iaitu Keberkesanan Kos Operasi, Model Perniagaan Baharu dan Penstrukturan Semula Anak Syarikat Kumpulan. Walaupun pergerakan harga MSM dunia dan kemarau berpanjangan akan memberi impak negatif, FGV yakin untuk mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun ini berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

Selain itu, FGV juga masih dalam proses penanaman semula secara agresif sejak 2012 dan setakat ini 44,000 hektar ladang telah ditanam semula. Kumpulan menyasarkan untuk memiliki 60% pokok matang, 20% pokok tua dan 20% pokok muda menjelang tahun 2020. Proses penanaman semula ini akan mula memberi kesan positif kepada FGV bermula 2018 dengan jangkaan jumlah pengeluaran hasil akan meningkat dengan lebih baik berbanding ketika ini. Perancangan FGV adalah untuk membawa kumpulan untuk mencapai perniagaan yang mampan dari segi operasi dan juga keuntungan untuk jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.